

## **Pembentukan Kerajaan Persekutuan Majoriti Melayu Dan Impaknya Terhadap Tingkah Laku Politik Di Kawasan DUN Kajang, Selangor**

### ***The Federal Government Formation Of Malay Majority And Its Impact On Political Behavior in the Area of State Legislative Assembly of Kajang, Selangor***

Muhammad Amirul Fazli Mohd Redwan  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi dengan berfokuskan kepada kedaulatan dan kebebasan rakyat yang mempunyai peranan penting untuk memilih kerajaan di negara ini. Trend pengundian yang berjalan di negeri Selangor boleh dikatakan kian berubah semenjak dahulu lagi dan perubahan yang dilihat sangat ketara ialah ketika Pilihan Raya Umum 2008 apabila Barisan Nasional mengalami kekalahan yang terbesar di negeri tersebut apabila hanya memenangi 19 daripada 56 buah kerusi yang dipertandingkan. Kekalahan tersebut menyebabkan pemerhati politik tanah air menggelarkannya sebagai “Tsunami Politik” terutamanya dalam kalangan pengundi berbangsa Cina. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pembentukan Kerajaan Persekutuan majoriti Melayu dan impaknya terhadap tingkah laku politik responden di Kawasan DUN Kajang, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik di lapangan dan rujukan sumber sekunder bagi menyokong lagi hasil kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati media cetak yang mendapat pilihan tertinggi untuk dijadikan sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat terutamanya perkembangan tempatan serta politik tanah air adalah Berita Harian dengan peratusan sebanyak 76 peratus diikuti oleh Utusan Malaysia sebanyak 72 peratus serta yang ketiga tertinggi ialah Harian Metro sebanyak 54 peratus. Pada peringkat parlimen, sebanyak 58% daripada responden telah mengundi parti Barisan Nasional yang mana bagi peringkat DUN juga sebanyak 58 peratus responden telah mengundi Barisan Nasional. Sokongan yang diberikan ini adalah disebabkan faktor seperti peningkatan nilai terhadap pemberian BRIM disamping terdapat juga masyarakat yang masih yakin terhadap pemerintahan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan. Justeru itu, hasil yang diperolehi daripada kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak yang berkaitan terutamanya golongan ahli politik bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang sedia ada supaya mampu mengekalkan sokongan yang diperolehi daripada rakyat setempat.

**Kata Kunci:** Sistem demokrasi, pilihan raya umum, tingkah laku politik, tanah air, ahli politik

## ABSTRACT

*Malaysia is a country that adopts a democratic system with a focus on the sovereignty and freedom of the people who have an important role in electing the government in this country. The voting trend in Selangor can be said to have changed since time immemorial and the change that was seen was very significant during the 2008 General Election when Barisan Nasional suffered the biggest defeat in the state when it won only 19 of the 56 seats contested. The defeat caused the country's political observers to call it a "Political Tsunami", especially among Chinese voters. Therefore, it is the purpose of this study was to investigate the formation of the Federal Government of the Malay majority and its impact on the political behavior of the respondents in the Kajang, Selangor. This study uses field questionnaires and secondary source reference to further support the results of the study. The results of the study found that the print media that got the highest choice to be used as a reference to obtain information, especially local developments and politics of the country is Berita Harian with a percentage of 76 percent followed by Utusan Malaysia with 72 percent and the third highest is Harian Metro with 54 percent. At the parliamentary level, 58 percent of the respondents voted for the Barisan Nasional party while at the DUN level, 58 percent of the respondents voted for the Barisan Nasional. The support given is due to factors such as the increase in the value of the BR1M grant as well as there are also people who are still confident in the Barisan Nasional government as a government. Therefore, the results obtained from this study can be used as a guide to relevant parties, especially politicians to improve the quality of existing services to be able to maintain the support obtained from local people.*

**Keywords:** *Democratic system, general elections, political behavior, country, politicians*

## 1. Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sejak sekian lama. Sistem demokrasi ini berfokuskan kepada kedaulatan dan kebebasan rakyat yang berperanan penting dalam memilih kerajaan pilihan mereka untuk memerintah negara melalui pilihan raya. Dengan adanya pilihan raya, ianya menunjukkan bahawa rakyat mempunyai hak dan pilihan bagi memilih wakil rakyat daripada parti politik yang bertanding untuk memerintah negara. Pilihan Raya Umum (PRU) yang pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu diadakan pada 27 Julai 1955 dimana parti yang bertanding terdiri daripada Parti Perikatan yang dianggotai oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC), Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar, Part Islam Se-Tanah Melayu, Parti Buruh, Parti Kemajuan Perak, PertubuhanKebangsaan Perak dan Pertubuhan Melayu. Dalam PRU Tersebut, Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan manakala sebuah lagi kerusi menjadi milik Parti Islam Se-Tanah Melayu.

Pola pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang juga menunjukkan beberapa perubahan kepimpinan daripada blok kerajaan dan juga blok pembangkang. Pada PRU 1999, kerusi DUN Kajang dimenangi oleh calon PAS yang berada dalam Pakatan pembangkang yang dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA) yang turut dianggotai oleh Parti Keadilan Nasional (PKN), Democratic Action Party (DAP) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) dengan majoriti tipis. Namun begitu, semasa PRU 2004 menyaksikan BN berjaya menawan semula kerusi DUN Kajang dengan menewaskan calon daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR). Semasa PRU 2008, pakatan pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR) berjaya menawan semula kerusi di DUN Kajang yang dianggotai oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Democratic Action Party (DAP) dengan berjaya

menewaskan BN/MCA dengan majoriti 3,268 undi sekaligus buat pertama kalinya berjaya membentuk Kerajaan Negeri Selangor selain BN. Walaupun kedua-dua parti meletakkan calon daripada bangsa Cina, PKR masih mampu untuk menumbangkan pihak lawan dengan majoriti yang agak besar. Ianya disebabkan oleh trend pengundian daripada pengundi dalam kalangan masyarakat Cina yang beralih arah sokongan daripada BN kepada PR pada PRU tersebut.

PH terus menerajui Kerajaan Negeri Selangor dengan lebih 2/3 majoriti kerusi DUN. Politik negara menyaksikan berlaku perubahan ekoran daripada pengumuman Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yasin pada 24 Februari 2020 bahawa parti tersebut telah keluar daripada Pakatan Harapan dan bergabung dengan Muafakat Nasional (MN) yang dianggotai oleh UMNO dan PAS serta MCA dan MIC yang akhirnya berjaya membentuk Kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada peringkat Persekutuan yang juga merupakan Kerajaan Majoriti Melayu. Namun begitu, gabungan PH masih lagi menguasai Kerajaan Negeri Selangor dengan majoriti kerusi DUN yang meyakinkan. Pelbagai isu yang berlaku sejak Februari 2020 daripada isu perebakan wabak pandemik Covid-19, pertukaran beberapa Kerajaan Negeri sehinggalah kepada isu ekonomi akibat daripada pergolakan politik antara PN dan PH yang tidak berkesudahan dan tidak terkecuali isu perkauman dan ketuanan Raja hinggalah sekarang (Oktober 2020) yang dilihat telah mempengaruhi tingkah laku politik rakyat di negara ini. Justeru itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji pembentukan Kerajaan Persekutuan majoriti Melayu dan impaknya terhadap tingkah laku politik responden di Kawasan DUN Kajang, Selangor.

## 2. Sorotan Literatur

Bagi kajian lepas geografi politik pilihan raya luar negara, Leo Agustino dan Mohammad Agus (2010) berpendapat bahawa perubahan dramatik dalam sistem politik Indonesia sejak kejatuhan rejim Soeharto telah memberikan ruang bagi hadirnya demokrasi yang dianggap penting. Politik tempatan telah menjadi lebih terbuka dan menjadi penentu pembangunan dalam negara. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menganalisis keadaan politik di peringkat tempatan Indonesia sebelum dan selepas reformasi 1998 sehingga menemui perubahan-perubahan yang berlaku.

Berdasarkan kajian oleh Turner et al. (2018), berlakunya isu terhadap tingkah laku pengundi semasa Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2016 dimana Donald Trump telah menggunakan pengaruh penonjolan isu mengenai calon Demokrat iaitu Hilary Clinton apabila emel peribadi milik Clinton telah dibocorkan oleh *Wikileaks* atas desakan Trump yang menyatakan persetujuan menjual senjata peperangan kepada penjiha- penjiha Islam dan kepada Negara Iraq dan Syria (ISIS). Penularan emel tersebut telah mengakibatkan timbulnya sentiment keagamaan, perkauman dan kebencian rakyat Amerika Syarikat terhadap Clinton dan ianya membawa kepada kekalahan Clinton di tangan Trump pada edisi pilihan raya tersebut.

Furlong & Cartmel (2012) telah melakukan tinjauan terhadap perubahan sosial dan penglibatan generasi muda dalam politik melalui suatu pemantauan terhadap Pilihan Raya British pada sesi 2009/ 2010. Dengan menfokuskan kepada penglibatan politik, sikap dan keutamaan, kajian ini telah mengkaji berkenaan dengan perspektif generasi muda yang berbeza dengan melihat kepada isu- isu yang dapat merangsang minat pengundi muda terhadap pilihan raya yang dijalankan. Dari segi keutamaan politik, perbezaan politik dan kepentingan

wujud dalam kalangan generasi muda. Perkara ini merujuk kepada cara mereka membina agenda politik dengan mementingkan diri sendiri dan mengorbankan kepentingan pihak lain. Di samping itu, terdapat satu struktur masalah yang berkaitan dengan penyertaan politik orang muda yang sebahagiannya berpunca daripada kekurangan perwakilan dalam kalangan mereka dalam struktur politik. Selain itu, sesetengah generasi muda di Britain didapati tidak dapat melalui perubahan sosio- ekonomi dan ianya telah memberi kesan kepada kehidupan generasi muda.

Kajian yang dijalankan oleh Bekker & Vreese (2011) mengenai pengaruh yang dimainkan oleh media tradisional dan internet terhadap penglibatan generasi muda dalam bidang politik. Dengan menggunakan responden seramai 2409 yang berumur di antara 16 hingga 24 tahun, kajian ini mendapati bahawa internet dapat memudahkan pemahaman dibentuk dalam kalangan generasi muda mengenai politik. Walaupun media tradisional masih lagi dapat menarik minat generasi muda, ianya masih lagi kurang berkesan dan tidak berupaya memberikan maklumat yang mudah digarap oleh generasi muda. Melalui kajian ini juga, penggunaan internet dalam kalangan generasi muda dapat membantu terhadap pembentukan pemahaman mereka terhadap scenario politik di Belanda berbanding dengan media tradisional. Kajian ini turut mengenalpasti media sosial sangat berpengaruh dalam kalangan Gen- Y dan ianya mampu mempengaruhi cara pemikiran Gen- Y untuk mereka membuat pilihan terhadap pimpinan dan parti yang akan bertanding pada pilihan raya di Belanda.

Bagi kajian geografi politik pilihan raya dalam negara iaitu Malaysia, Kajian yang dijalankan oleh Wan Rohila Ganti (2008) dalam artikelnya yang bertajuk "*Pilihan Raya Umum ke- 12: Suatu Kajian Kes Politik Luar Bandar*" mendapati bahawa pengundi yang menetap di Kuala Berang merupakan golongan pengundi luar bandar yang masih dibelenggu oleh masalah kemiskinan dimana mereka sangat bergantung kepada bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Budaya politik di Kuala Berang menunjukkan bahawa pengundi di kawasan tersebut berbeza dengan pengundi yang menetap di kawasan bandar yang lebih yakin dan cenderung untuk menukar kerajaan. Ianya disebabkan oleh pengundi bandar mempunyai kurang tahap kebergantungan terhadap kerajaan berbanding dengan pengundi luar bandar. Pertukaran parti terhadap penguasaan politik di Kuala Terengganu menunjukkan bahawa pengundi di Kuala Terengganu sangat rasional dalam pemilihan wakil rakyat di kawasan mereka. Isu- isu yang timbul dalam kalangan penduduk adalah selari dengan pembentukan budaya politik pengundi di Terengganu.

Mohammad Agus & Mohd Akmal (2019) yang menjalankan kajian bagi mengkaji berkenaan dengan tingkah laku pengundi FELDA sebelum PRU-14, mengenal pasti pencapaian parti yang bertanding di kawasan FELDA dalam PRU-14 dan menilai faktor berlakunya perubahan tingkah laku pengundi FELDA daripada menjadi deposit tetap BN kepada mengundi oposisi PH. Dapatan kajian mendapati pengundi FELDA tidak lagi mengundi mengikut kesetiaan kepada parti atau kelompok etnik, tetapi berdasarkan kepada pilihan rasional, iaitu isu seperti IMDB, FGV dan skandal FELDA yang lebih cepat mempengaruhi tingkah laku pengundi FELDA apabila media memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat ini kepada mereka.

Menurut Mohammad Qayyum (2018a), beliau menyatakan bahawa strategi PH dengan menggunakan 1 logo sahaja iaitu logo PKR selain pemilihan Tun Dr. Mahathir sebagai calon Perdana Menteri sekiranya PH berjaya mengambil alih Putrajaya merupakan antara aspek penting yang dapat meyakinkan pengundi untuk memilih PH sebagai pemerintah

di negara ini. Mohammad Qayyum (2018b) pula menghuraikan rakyat Malaysia terutamanya orang Melayu perlu berbangga terhadap pencapaian serta jasa Tun Dr. Mahathir sekaligus berjaya menyatukan seluruh parti komponen dalam PH untuk mencalonkan beliau sebagai calon Perdana Menteri yang merupakan aspek penting untuk memastikan kemenangan PH pada peringkat persekutuan dalam PRU 2018. Mohammad Qayyum (2018c) turut meyakini bahawa Anwar Ibrahim merupakan seorang ahli politik yang sangat kental serta tabah sepanjang perjuangan politik beliau yang turut terkenal dengan kata-kata 'kalau takut kepada risiko/ cabaran, usah bicara tentang perjuangan' di dalam buku yang ditulis oleh Mohammad Qayyum.

Junaidi et. al (2015) telah menjalankan suatu kajian kritis berkenaan dengan pola pengundian dan tingkah laku etnik Melayu pada PRU- 13. Kajian ini dilaksanakan adalah bagi menganalisis kepelbagaian pola etnik Melayu yang mempengaruhi sokongan daripada pengundi etnik Melayu terhadap parti- parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum 2013 berdasarkan pengaruh daripada faktor geografi dan sosiologi. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif serta kaedah kualitatif bagi mendapatkan hasil kajian. Dua perkara utama dapat dikenalpasti berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi iaitu pola pengundian etnik Melayu boleh dikaitkan dengan tiga pendekatan yang digunapakai dalam mengkaji tingkah laku semasa mengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional. Hasil dapatan kajian yang kedua mendapati bahawa Pakatan Rakyat lebih berpengaruh di kawasan Melayu bandar dan popular dalam kalangan pengundi Melayu kelas atasan serta pertengahan atau yang berpendidikan tinggi.

Mc Gee (1962) dalam kajiannya mendapati etnik merupakan faktor yang penting dalam proses politik di Malaysia. Beliau mendapati bahawa faktor etnik, kewilayahan serta personaliti calon telah menguasai politik negara dalam tahun 1950-an. Parti seperti PAS dan PPP menerima sokongan yang berasaskan etnik menunjukkan corak politik yang sedemikian mendominasi iklim politik secara keseluruhan. Parti juga dikuatkan dengan mencalonkan individu daripada etnik tertentu yang merupakan etnik dominan di sesuatu kawasan pilihan raya. Vasil (1972) melalui bukunya yang bertajuk *Politics in a Plural Society: A Study of Non- Communal Political Parties in West Malaysia* menyatakan bahawa faktor etnik perlu dikenalpasti daripada sudut perkembangan parti politik yang bersifat berbilang kaum.

Menurut Junaidi et al. (2015b) dalam kajiannya iaitu Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang, Selangor, beliau mendapati jenis kempen, manifesto parti dan calon merupakan medium utama dalam usaha mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Keseluruhannya, persepsi terhadap dasar- dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi iaitu berkenaan dengan isu kenaikan harga barangan dan peluang pekerjaan dapat ditangani oleh pihak yang berwajib agar kehidupan mereka akan lebih baik. PRK DUN Kajang juga memperlihatkan pengekal 'status quo' iaitu kemenangan kepada PKR kerana impak keputusan PRU 2013 masih baru dan pengundi di DUN Kajang masih terkesan dengan keputusan tersebut.

Menurut Junaidi (2017a) dalam kertas kerja beliau iaitu 'Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016' mengenalpasti bahawa BN terus mengekalkan 'status quo' kerana faktor identifikasi parti dan mentality politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi dalam kedua- dua kawasan tersebut. Pertandingan tiga penjur yang mengakibatkan perpecahan parti- parti pembangkang antara PH dengan PAS turut memberi kelebihan kepada

BN untuk terus kekal dengan pertambahan majoriti yang lebih tinggi. Namun begitu jika dilihat kepada keputusan PRK mengikut kawasan daerah mengundi majoriti etnik tertentu serta lokasi geografi (bandar- luar bandar) jelas menunjukkan pola pengundian yang berlaku adalah mirip keputusan PRU 2013 sebelumnya. Faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing turut mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian. Justeru itu, semua parti politik perlu mengambil iktibar terhadap keputusan dan pola pengundian sedemikian untuk merangka strategi politik yang mantap bagi memenangi hati pengundi menuju PRU ke- 14 akan datang.

Kajian yang dilakukan oleh Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faiz (2011) iaitu menganalisis budaya politik Melayu dengan merujuk kepada keputusan PRK Hulu Selangor yang diadakan pada 25 Mac 2010. Sejarah Pilihan Raya Umum (PRU) di Hulu Selangor bermula dari PRU 1955 sehingga PRU 2004 menunjukkan kawasan ini merupakan kubu kuat Barisan Nasional (BN), tetapi akibat daripada tsunami politik pada PRU 2008 menyebabkan BN tewas kepada PKR di kawasan tersebut. Namun begitu, pada PRK 2010 menyaksikan BN berjaya menguasai semula kerusi Parlimen tersebut dengan majoriti 1725 undi. Hasil daripada kajian mendapati responden lebih memilih calon yang lebih mesra rakyat. Dapatan kajian juga mendapati sebahagian besar responden menyatakan bahawa mereka lebih berminat untuk memberi undi kepada BN berbanding dengan PKR. Justeru itu, politik Melayu berperanan penting dalam kemenangan BN di Hulu Selangor dan faktor sokongan pengundi Melayu juga mempengaruhi pola pengundian bagi etnik Melayu berdasarkan kepada lima ciri budaya politik Melayu iaitu Sultan/ Raja, Islam, Bahasa Melayu, ekonomi dan *universal* (politik baru).

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

Data adalah fakta yang telah terjadi, memiliki erti dan dapat disimpan serta dapat diatur sedemikian rupa sehingga dapat menjadi sebuah bentuk yang dapat digunakan untuk pelbagai tujuan seperti tujuan penelitian, pemasaran dan pengetahuan. Data juga adalah bahan mentah yang tidak terurus, tidak teratur, tidak berkaitan, tidak terganggu yang digunakan untuk memperoleh maklumat selepas data tersebut dianalisis. Data boleh menggunakan pelbagai bentuk seperti nombor, huruf, set askari, imej, grafik dan sebagainya. Terdapat dua variasi data iaitu kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif muncul apabila kategori yang ada dalam data jelas dipisahkan di bawah pemerhatian dan dinyatakan melalui bahasa semula jadi. Data kuantitatif pula ialah kuantifikasi berangka yang termasuk perkiraan dan pengukuran dan boleh dinyatakan dari segi nombor.

Data kuantitatif yang pengkaji perolehi adalah mengikut data daripada sebanyak 50 borang soal selidik yang diedarkan serta keputusan PRU ke- 14 pada tahun 2018 bagi kawasan DUN Kajang. Pengedaran borang soal selidik akan dilakukan di dua buah kawasan iaitu Saujana Impian bagi kawasan bandar dan Kampung Sungai Kantan bagi kawasan luar bandar. Selain itu, data kualitatif akan diperolehi melalui sesi temu bual secara formal, tidak formal dan temubual terbuka dalam bentuk pendapat informan dan juga berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di lapangan. Data sekunder juga akan diperolehi melalui kaedah perpustakaan dan rujukan atas talian.

Pengedaran borang soal selidik telah dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada seramai 50 orang responden yang terpilih. Pemilihan responden adalah yang berumur 21 tahun ke atas dan mengikut pecahan berdasarkan kaum atau etnik yang

telah ditetapkan iaitu Melayu sebanyak 70 peratus, Cina sebanyak 20 peratus dan India sebanyak 10 peratus. Setiap soalan yang diajukan adalah berbentuk terbuka dan tertutup dimana soalan berbentuk terbuka akan dijawab berdasarkan pendapat responden yang dipilih dan responden boleh menjawab di ruangan kosong yang disediakan. Bagi soalan tertutup pula, responden akan menjawab soalan berbentuk aneka pilihan dan soalan yang dikemukakan adalah dalam bentuk fakta. Bagi soalan skala likert pula, terdapat lima pilihan skala jawapan iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Bagi mendapatkan maklum balas daripada responden di kawasan kajian, pengkaji telah menyediakan satu set borang soalan temu bual berkenaan dengan tajuk yang ingin dikaji. Soalan yang dikemukakan adalah dalam bentuk soalan terbuka yang memerlukan pendapat daripada responden. Pemilihan responden ini juga dilakukan berdasarkan tahap penglibatan aktif responden berkaitan politik di DUN Kajang.

Salah satu daripada teknik penyelidikan ialah melalui pemerhatian di lapangan yang seringkali digunakan oleh para pengkaji sebelum ini. Kaedah ini dilakukan adalah seperti pemerhatian terhadap penglibatan dan pemerhatian secara temu bual. Pemerhatian dilakukan terhadap beberapa aspek seperti perubahan politik, pembangunan setempat, pembangunan ekonomi dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian. Kaedah ini diguna pakai bagi tujuan memperoleh data serta maklumat yang akan melengkapkan kaedah lain.

Menerusi kajian ini, pengkaji juga mengguna pakai data daripada Statistik Pengundi untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan aspek jantina, kaum dan umur. Aspek umur dikira bermula daripada umur 21 tahun sehingga 90 tahun dan ke atas mengikut daerah mengundi di DUN Kajang. Aspek kaum pula terdiri daripada kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli dan lain- lain. Di samping itu, rujukan yang dilakukan terhadap score sheet keputusan PRU 2018 adalah memfokuskan pada bahagian kawasan pilihan raya di N.25 Kajang.

Pengkaji juga menggunakan rujukan daripada sumber sekunder yang telah diperolehi. Tujuan kaedah ini dilakukan adalah untuk mendapatkan data terutamanya daripada sumber-sumber yang sedia ada seperti data daripada kajian yang dikeluarkan oleh kerajaan atau agensi- agensi yang berkaitan. Data yang diperolehi ini dipanggil sebagai data sekunder iaitu sebagai data tambahan daripada sumber bertulis. Sumber data ini hanya memerlukan pemerhatian pengkaji dan tidak memerlukan pengkaji untuk turun ke lapangan. Data yang pengkaji peroleh ini akan menguatkan lagi keputusan dalam kajian yang dilakukan.

Bahan rujukan sekunder berfungsi bagi melengkapkan lagi maklumat yang diperolehi bagi memantapkan lagi hasil terhadap sesebuah kajian. Kaedah perpustakaan merupakan kaedah sekunder yang sering dipilih oleh para pengkaji dan perpustakaan merupakan tempat yang menjadi pilihan utama bagi mendapatkan maklumat daripada sumber seperti buku, majalah, artikel, jurnal, akhbar, risalah, laporan bulanan dan tahunan kerajaan. Perpustakaan yang menjadi pilihan pengkaji adalah di Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan pengkaji menjadikan akhbar seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo, Suara Keadilan dan Harakah sebagai sumber rujukan utama dalam kategori akhbar.

Pengkaji turut menggunakan kajian atas talian di internet bagi mendapatkan maklumat dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan kaedah atas talian antaranya seperti laman web yang berkaitan dengan politik dan pilihan raya, blog, akhbar atas talian, aplikasi seperti Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Youtube dan lain- lain. Selain itu,


pengkaji turut melakukan pembacaan serta mendapatkan rujukan secara atas talian seperti Google Scholar, Academia dan lain- lain.

Sepanjang proses menganalisis data dijalankan, pengkaji menggunakan kaedah statistic deksriptif bagi menyusun, mengumpul maklumat serta untuk mempersembahkan data secara berangka dan grafik. Ringkasan data akan dipaparkan dalam bentuk graf dan jadual dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) bagi mengira kekerapan serta peratusan kajian. Penggunaan kaedah ini lebih memudahkan pengkaji untuk memberikan penerangan berdasarkan kajian yang dijalankan supaya lebih mudah untuk difahami oleh pembaca. Penggunaan aplikasi SPSS ini mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat menganalisis pelbagai jenis data serta berupaya menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat.

Kajang merupakan sebuah mukim yang terletak di Daerah Hulu Langat, Selangor. Mukim ini terletak di sebelah tenggara Kuala Lumpur dan dihubungkan melalui jalan raya dan jalan kereta api. Kajang juga terletak berdekatan dengan Pusat Pentadbiran Negara iaitu Putrajaya dan Bandar Multimedia Negara iaitu Cyberjaya. Antara tarikan utama di Mukim Kajang adalah seperti Stadium Kajang yang dibina sekitar tahun 1970 an iaitu antara stadium ikonik di Malaysia. Ia pernah menjadi tuan rumah kepada perlawanan-perlawanan bola sepak yang menampilkan lagenda bola sepak Malaysia seperti Mokhtar Dahari, Datuk R. Arumugam, Soh Chin Aun dan Santokh Singh. Pada tahun 2010, stadium tersebut dirobuhkan dan dibina semula sebagai pusat rekreasi serba guna yang dikenali sebagai Dataran Kajang. Pusat tumpuan utama penduduk Kajang adalah di Taman Saujana Impian, Sungai Kantan, Sungai Jelok, Sungai Ramal, Sungai Chua, Sungai Sekamat, Bandar Mahkota, Jalan Reko, Jalan Bukit, Bandar Sungai Long dan lain-lain.

Sehingga tahun 2017, jumlah pengundi yang berdaftar di DUN Kajang adalah seramai 45,151 pengundi. Daripada jumlah tersebut, pengundi daripada kaum Melayu adalah seramai 23,091 orang, pengundi daripada kaum Cina adalah seramai 16,878 orang, pengundi daripada kaum India adalah seramai 4,617 orang, bumiputera Sabah dan Sarawak ialah seramai 205 orang manakala pengundi orang asli adalah seramai 773 orang dan lain-lain adalah seramai 1,644 orang. Tampuk penguasaan di DUN Kajang sering berubah- ubah antara pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Pada PRU ke- 8, parti DAP Berjaya menguasai DUN Kajang tetapi pada PRU seterusnya, BN Berjaya merampas DUN tersebut tetapi tempohnya adalah tidak lama kerana pada PRU tahun 1999, DUN Kajang kembali menjadi milik PR dengan kemenangan yang diperolehi oleh PAS. Namun begitu, pada PRU ke- 11, BN Kembali merampas semula kerusi DUN Kajang daripada pihak PR. Nasib yang sama terjadi iaitu kerusi DUN Kajang Kembali jatuh ke tangan PR dibawah kemenangan PKR dan ianya kekal menjadi milik PH sehingga kini.





RAJAH 1. Peta kedudukan DUN Kajang dalam Parlimen Bangi, Selangor

#### 4. Dapatan kajian dan Perbincangan

##### 4.1 Sumber maklumat politik dan isu semasa dalam kalangan pengundi di Kawasan DUN Kajang

###### 4.1.1 Media Cetak

Media cetak yang mendapat pilihan tertinggi untuk dijadikan sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat terutamanya perkembangan tempatan serta politik tanah air adalah

Berita Harian dengan peratusan sebanyak 76% diikuti oleh Utusan Malaysia sebanyak 72% serta yang ketiga tertinggi ialah Harian Metro sebanyak 54% (Lihat Jadual 1). Responden memilih akhbar Berita Harian sebagai pilihan utama adalah kerana input- input yang terkandung di dalam akhbar tersebut serta laras-laras Bahasa yang digunakan lebih senang dibaca jika dibandingkan dengan akhbar yang lain.

Selain itu, akhbar ini juga mudah didapati di kedai- kedai runcit yang berhampiran terutamanya di kawasan perumahan. Berita yang dilaporkan dalam akhbar Berita Harian juga lebih menepati cita rasa pembaca. Seterusnya, bagi akhbar Utusan Malaysia serta Harian Metro pula, responden yang ditemui menyatakan perkara yang sama seperti akhbar Berita Harian iaitu mudah untuk dibaca serta mudah untuk didapati di kedai yang berdekatan. Pemilihan akhbar sebagai sumber maklumat bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan politik tempatan adalah pilihan peribadi daripada responden yang ditemui.

JADUAL 1. Sumber maklumat media cetak

Media Cetak	Peratus Ya
Berita Harian	76
Utusan Malaysia	72
Harian Metro	54
New Straits Times	40
The Star	32
Sinar Harian	28
Kosmo	16
Akhbar Cina	6
Risalah/flyers/brosur	4
Buku-buku politik	4
Suara Keadilan	4
Harakah	4
Poster	0
Akhbar Tamil	0

Sumber: Soal selidik 2020

#### 4.1.2 Media Sosial

Melalui hasil kajian yang telah dijalankan, hasil analisis mendapati media sosial yang paling banyak digunakan oleh responden ialah *Facebook* dengan jumlah peratusan sebanyak 78% diikuti oleh aplikasi *Whatsapp* iaitu sebanyak 74% serta *Twitter* dengan jumlah peratusan sebanyak 26%. Aplikasi *Facebook* dan *Whatsapp* merupakan medium yang paling banyak digunakan oleh semua lapisan masyarakat kerana ianya mudah untuk digunakan terutamanya bagi golongan yang sudah berumur yang agak ketinggalan dengan hal berkaitan teknologi terkini. Menurut Hee Loy Sian (2020), beliau menyatakan bahawa aplikasi *Facebook* lebih mudah digunakan untuk mendapatkan maklumat politik terkini dengan kadar yang segera terutamanya dalam golongan muda yang menetap di bandar.

#### 4.2 Pola Sokongan Dan Faktor Perubahan Sokongan Di Kawasan DUN Kajang

Pada peringkat parlimen, sebanyak 58% daripada responden telah mengundi parti Barisan Nasional yang mana bagi peringkat DUN juga sebanyak 58% responden telah mengundi Barisan Nasional (Lihat Jadual 2). Sokongan yang diberikan ini adalah disebabkan faktor

seperti peningkatan nilai terhadap pemberian BR1M disamping terdapat juga masyarakat yang masih yakin terhadap pemerintahan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan dan ingin parti tersebut terus memerintah sebagai kerajaan. Sebanyak 44% daripada responden telah mengundi Pakatan Harapan pada peringkat Parlimen dan sebanyak 44% juga menyokong Pakatan Harapan pada peringkat DUN. Hal ini kerana mereka mahukan perubahan kerajaan dengan menumbangkan kerajaan BN dan menaikkan kerajaan daripada PH.

JADUAL 2. Parti yang disokong semasa PRU-14 (2018) yang lalu (Peratus)

Bil.	Parlimen	Ya (%)	Bil.	DUN	Ya (%)
1.	Barisan Nasional (BN)	58	1.	Barisan Nasional (BN)	58
2.	PKR/Pakatan Harapan (PH)	44	2.	PKR/Pakatan Harapan (PH)	44
3.	Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN & BERJASA)	2	3.	Gagasan Sejahtera (PAS, IKATAN & BERJASA)	2

Sumber: Soal selidik 2020

Tun Dr. Mahathir juga menjadi faktor utama mereka dalam menyokong perjuangan PH dalam usaha untuk menjadi kerajaan disamping skandal- skandal besar yang melanda kepimpinan BN sebagai kerajaan. Bagi Gagasan Sejahtera pula, sokongan yang diberikan pada peringkat Parlimen adalah sebanyak 2% sahaja dan pada peringkat DUN juga adalah sebanyak 2% daripada jumlah responden yang disoal selidik. Jumlah yang sedikit adalah disebabkan oleh kebanyakan pengundi Gagasan Sejahtera majoritinya berada di kawasan pantai timur dan bukan di kawasan zon tengah. Justeru itu, bilangan yang sedikit sahaja telah mengundi parti daripada pakatan tersebut.

#### 4.2.1 *Pola Perubahan Sokongan*

Pelbagai isu telah terjadi sepanjang pemerintahan BN berjalan, antaranya ialah berlaku rasuah dengan berleluasa dalam kepimpinan kerajaan BN. Pelbagai isu rasuah sedang disiasat oleh SPRM bagi membuktikan kewujudan rasuah tersebut dengan pelbagai nama dalam kepimpinan tertinggi BN turut terlibat dan ianya mengurangkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan tersebut. Selain itu, faktor seperti BN mengamalkan politik yang berasaskan wang juga turut menjadi punca berlakunya perubahan sokongan kepada PH pada pilihanraya umum yang lepas. Kepimpinan BN dikatakan menggunakan wang bagi memancing undi daripada rakyat supaya dapat kekal berkuasa sebagai kerajaan disamping turut dikatakan memancing beberapa ahli politik untuk mendapatkan sokongan mereka dengan menggunakan wang sebagai ganjaran.

Seterusnya ialah kenaikan harga barang dengan sangat tinggi turut menyebabkan rakyat muak dan mahukan pemerintahan daripada PH pada PRU-14 yang lepas. Kerajaan gagal untuk menurunkan harga barangan sepertimana janji mereka dalam manifesto dan menyebabkan rakyat merasakan kerajaan BN gagal untuk memberikan perubahan yang terbaik dalam bidang ekonomi tempatan. Perlaksanaan cukai GST juga dianggap sebagai beban oleh rakyat yang menyebabkan mereka ditolak oleh rakyat pada pilihanraya tersebut. Selain itu, pelbagai skandal seperti 1MDB yang melanda kepimpinan kerajaan juga menjadi faktor utama dalam berlakunya perubahan tersebut kerana rakyat seringkali mendengar sentiment kerajaan gagal mengurus kewangan negara sehingga menyebabkan negara hampir menjadi muflis. Seterusnya, pengaruh PH dalam kalangan pengundi muda yang kuat juga merupakan antara punca kepada runtuhnya kerajaan BN pada pilihanraya yang lepas.

### **4.3 *Impak Daripada Penubuhan Kerajaan Persekutuan Majoriti Melayu Terhadap Tingkah Laku Politik Responden Di Kawasan Kajian***

#### **4.3.1 *Persetujuan Terhadap Pembentukan Kerajaan Persekutuan Majoriti Melayu***

Soal selidik telah dijalankan terhadap responden di kawasan DUN Kajang bagi mengenalpasti tahap persetujuan mereka terhadap penubuhan kerajaan persekutuan majoriti Melayu. Sebanyak 40% daripada responden yang ditemui menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan pembentukan kerajaan persekutuan yang majoritinya terdiri daripada pemimpin Melayu. Mereka berpendapat bahawa ianya adalah penting bagi memastikan hak serta keistimewaan orang Melayu terus terpelihara serta tiada mana- mana pihak yang akan berani untuk mengusik hak terhadap kaum Melayu.

Selain itu, sebanyak 38% responden menyatakan mereka tidak bersetuju tentang penubuhan kerajaan tersebut kerana mereka mendakwa ianya akan mewujudkan keadaan sosial yang tidak stabil antara kaum. Segala perancangan pembangunan juga hanya akan menguntungkan kaum Melayu sahaja dan menyebabkan kaum lain dipinggirkan dan mewujudkan diskriminasi kaum. Seterusnya, sebanyak 22% responden menyatakan mereka tidak pasti terhadap penubuhan kerajaan tersebut kerana ianya mempunyai kesan positif serta negatif. Mereka menyatakan ianya adalah suatu proses demokrasi yang betul tetapi boleh juga menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat bagi kaum selain Melayu.

#### **4.3.2 *Penglibatan Lebih Ramai Ahli Kabinet Daripada Etnik Selain Melayu Dilantik Dalam Kerajaan Persekutuan Adalah Penting***

Soalan berkaitan dengan penglibatan etnik selain Melayu dalam kabinet telah diajukan kepada responden di kawasan kajian melalui borang soal selidik. Sebanyak 84% responden menyatakan bahawa penting bagi melibatkan pelbagai etnik dalam kabinet kerajaan supaya kaum minoriti tidak berpendapat bahawa mereka dipinggirkan. Selain itu, kepentingan ini juga perlu dalam usaha untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang stabil dengan penglibatan semua kaum di negara ini. Seterusnya, kemasukan etnik lain di dalam kabinet juga boleh mendengar serta menerima pendapat pelbagai pihak yang terdiri daripada semua kaum sekaligus memperkasakan perpaduan kaum di negara ini. Selanjutnya, bagi memastikan hak kaum lain terjamin, pemimpin daripada pelbagai kaum perlu diberikan ruang dan peluang bagi membantu dalam urusan kerajaan.

Sebanyak 8% responden pula menyatakan bahawa penglibatan etnik selain Melayu di dalam kabinet adalah tidak penting kerana dapat memberikan peluang kepada kaum Melayu dan bumiputera untuk menguasai pelbagai bidang dalam kabinet kerajaan. Mereka juga berpendapat bahawa sekiranya kaum lain menguasai sesuatu bidang, mereka hanya akan menumpukan usaha pembangunan terhadap kaum mereka sahaja tanpa melihat kepada kaum lain di negara ini. Sebanyak 8% responden menyatakan mereka tidak pasti terhadap penglibatan pelbagai kaum di dalam kabinet kerajaan kerana kurang mengambil tahu berkenaan dengan isu semasa serta situasi politik tempatan disebabkan sibuk terhadap pekerjaan dan menguruskan hal keluarga.

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Sebagai kesimpulannya, sikap serta segala tindak tanduk yang ditunjukkan oleh setiap pemimpin akan mempengaruhi corak kepimpinannya disamping akan mempengaruhi juga pandangan rakyat kepada mereka. Selain itu, proses soal selidik yang dijalankan juga mendapati bahawa terdapat sesetengah responden yang kurang mengambil peduli mengenai sesuatu isu semasa serta keadaan politik tempatan. Hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan pemimpin politik di negara ini masih kurang dalam sifat kematangan berpolitik disamping golongan pengundi yang kurang mengambil berat mengenai situasi negara yang akan memberikan impak terhadap pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi dan juga politik. Justeru itu, hasil yang diperolehi daripada kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak yang berkaitan terutamanya golongan ahli politik bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang sedia ada supaya mampu mengekalkan sokongan yang diperolehi daripada rakyat setempat.

## Rujukan

- Bekker, T.P. & C.H. Vreese. (2011). Good News for the Future? Young People, Internet Use, and Political Participation. *Communication Research*, 38(4): 451-470.
- Bennie Zie Fauzi. (2015). Berita Harian Online. *Bangi tempat putera terbang*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/03/39267/bangi-tempat-putera-terbang>. [30 November 2020].
- Furlong, A. & F. Cartmel. (2012). Social Change and Political Engagement Among Young People: Generation and the 2009/2010 British Election Survey. *Parliamentary Affairs*, 65: 13-28.
- Ismail Kassim. (1979) *Race Politics And Moderation: A Study Of The Malaysian Election Process*. Singapore: Time Book International.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Mohd Faiz Mohd Zain. (2015). Pilihan raya umum (PRU) 2013: Satu tinjauan kritis terhadap pola pengundian etnik Melayu. *Jurnal Melayu* 14(1), 64-91.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2013). Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Kecil 2009-2011 Di Malaysia. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar. (2017a). Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *The 6th International Conference on Public Policy and Social Science (ICOPS 2017)*. Organized by Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Kedah Branch and Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia. 8-10 March.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain. (2011a). Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*, (8)2011: 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain. (2011b). Trend Pengundian Etnik Melayu Dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN)*

- 2011 Anjuran Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin (UNHAS) Makassar Dengan Kerjasama Universitas Hasanuddin Indonesia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Sity Daud. (2015b). Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Malaysia Journal of Society and Space* 11, 78-89.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 15(4), 220-232.
- Leo Agustino & Mohammad Agus Yusoff. (2010). Dinasti politik di Banten pasca Orde Baru: sebuah amatan singkat. *Jurnal Administrasi Negara*, 1(1). Hlm. 79-97.
- Majlis Perbandaran Kajang. (2020). *Info Kajang*. <http://www.mpkj.gov.my/ms/pelawat/info-kajang>. [30 November 2020].
- Mc Gee, T. G. (1962). The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography. *The Journal of Tropical Geography*, 16: 70-99.
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin. (2018a). *Sumpah Teori RAHMAN: Musibah dari tragedi PRU-14*. Cheras: Casamas Resources Sdn. Bhd.
- Mohd. Safar Hasim. (1995). Ke Mana Arah Parti Pembangkang? Kertas Seminar Politik Dan Pilihan Raya Di Malaysia. UKM. 19 Julai 1995.
- Ramadhan, Fajar Shodiq & Romel Masykuri. (2018). "Marketing Isu Agama Dalam Pemilihan Kepala Daerah Di Indonesia 2015-2018." *Jurnal Penelitian Politik* 15(2) (2018), 249-265.
- Turner, R., Thia, M. S. D., & Gary, M. (2018). *Voting preferences in the 2016 election. Annual meeting of the society for personality dan social psychology*. Atlanta, United States of America.
- Wan Rohila Ganti Wan Abd Ghafar, (2008). *Pilihan raya Umum ke-12: Suatu Kajian Kes Politik Luar Bandar*. Shah Alam: UPENA.
- Asyraf Muhammad. (2020). Sinar Harian. *Kisah angin perubahan di Selangor*. <https://www.sinarharian.com.my/article/84637/BERITA/Politik/Kisah-angin-perubahan-di-Selangor>. [30 November 2020].